

UMS beri perhatian serius penyelidikan warisan seni tradisi

UB 30-11-2014 A3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa memberi perhatian serius terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan berorientasikan warisan seni tradisi bagi meneruskan legasi kebudayaan timur khususnya Sabah sebagai sebuah negeri dalam Kepulauan Borneo.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata pameran bertemakan 'Sabah Tanah Airku' merupakan hasil penyelidikan yang diterjemahkan menerusi gabungan teknologi dan non-teknologi seni visual seperti lukisan, filem dan dokumentari, seni animasi, arca dan seramik.

Menurut beliau, kegiatan seni visual yang aktif di fakulti tersebut mampu menzahirkan pengkarya-pengkarya profesional dan ternama



SHAHRIL (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Norlidah sambil disaksikan Prof Dato' Hamdan (paling kanan) dan Dayang Rukiyah (dua dari kanan).



pada masa akan datang dan impaknya bakal memajukan seni visual di negeri ini.

Keekayaan dan keindahan flora dan fauna serta keunikan Sabah yang terbentuk menerusi kesepakatan lebih 31 etnik merancakkan lagi aktiviti penyelidikan berkenaan.

NORLIDAH melihat melihat lukisan menggunakan pensel, arang dan pestel bertajuk "Ruran Ulung" karya pelajar Junior Kimwahl.

Beliau berucap merasmikan Pameran Borneo Art Exhibition (NeoARTex 2014) di salah sebuah kompleks membeli-belah di sini, petang kelmarin.

Teks sucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Shahril Yusuf.

Pameran dua hari anjuran Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) itu turut dihadiri isteri Yang di-Pertua Negeri Sabah yang juga



NORLIDAH diiring Dayang Rukiyah (dua dari kiri) dan Shahril (paling kanan) melihat lukisan bertajuk *Betta Splendens* oleh pelajar, Mohd Jumadin Mohd Basri bernilai RM2500.

Penunaung Yayasan Nur Jauhar, Toh Puan Datuk Seri Panglima Hjh Norlidah Tan Sri Datuk R.M Jasni.

Hadir sama, Dekan FKS, Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan; Pengurus Bengkel dan Pameran, Prof Madya Dr Baharuddin Mohd Arus dan Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Awang Amit.

Sebanyak 81 seni kreatif seperti catan, arca dan seni seramik hasil kreativiti dan inovasi pelajar dari fakulti berkenaan dipamerkan dan dibuka kepada orang ramai sehingga hari ini.



NORLIDAH melihat lukisan menarik karya pelajar, Mohd Farid Azamudin Musa bertajuk *ERefleksi Warna-Warni Di Sabah* menggunakan media campuran berharga RM3,500.



NORLIDAH melihat karya pelajar, Ahmad Huzairi Hasim dengan tajuk *Kuda Baju* (Siri 1) bernilai RM5,000.